

44 setempat

28-09-2017

Belajar padam api

40 pelajar, guru madrasah ambil iktibar kebakaran asrama

Zairee Mohd Yasak
am@hmetro.com.my

Alor Gajah

Mengambil iktibar asrama kediaman mereka pernah terbakar sebelum ini, 40 pelajar, guru dan kakitangan Madrasah Baitul Hamdi, Simpang Ampat, di sini, mempelajari teknik menggunakan alat pemadam api dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri Melaka, semalam.

Dalam kejadian jam 1 tengah hari, Julai 2014, bangunan asrama Madrasah Baitul Hamdi, terbakar dipercayai

akibat litar pintas namun tidak membabitkan kecederaan atau kemalangan jiwa kerana semua pelajar ketika itu di surau berhampiran menunaikan solat Zuhur.

Bagi pelajar Siti Nur Sarah Mat Shah, 17, dia trauma dengan kejadian itu dan sehingga kini jeritan rakan memberi amaran mengenai kebakaran masih terngiang-ngiang di telinganya.

"Semasa di dalam tandas surau, saya terdengar jeritan rakan mengatakan asrama kami terbakar lalu bergegas keluar menyelamatkan diri kerana bangunan itu hanya beberapa meter dari tempat saya berada.

"Ada pelajar mahu masuk ke asrama untuk padamkan

kebakaran namun gagal kerana api merebak pantas. Bumbung asrama kami runtuh dalam masa 10 minit, semua orang hanya mampu lihat kejadian itu," katanya, semalam.

Sementara itu, guru, Nur Syafiqah Aluwii, 36, berkata, program itu untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai apa perlu dilakukan jika berlaku kebakaran.

Beliau berkata, selain mempelajari teknik menggunakan pemadam api jenis serbuk dengan berkesan, sepanjang program sehari itu

mereka turut diajar cara memadam kebakaran kecil menggunakan tuala atau kain basah.

"Risiko kebakaran memang ada memandangkan kami tinggal di rumah separuh batu dan papan yang berusia sejak tiga tahun lalu sementara menunggu pembinaan bangunan baru di Sungai Siput siap.

"Kami saling mengingatkan antara satu sama lain supaya mematikan suis elektrik jika tidak digunakan, begitu juga dengan dapur gas, semua ini bagi me-



PELAJAR cuba memadam kebakaran mengikut langkah yang disarankan pihak bomba.



TINGGALAN bangunan asrama yang terbakar.

ngelakkan risiko kebakaran," katanya.

Nur Syafiqah berkata, kejadian tiga tahun lalu itu membuatkan ibu bapa dan penyumbang sedar keselamatan pelajar dengan menyumbang alat pemadam api mudah alih selain mengumpul dana menggantikan sistem pendawaian elektrik

yang sudah berusia.

"Kerana risau berlaku kebakaran pihak pengurusan melarang sama sekali penggunaan lingkaran ubat nyamuk atau lilin. Tinggalan dinding dan tembok bangunan asrama lama yang terbakar masih ada, sekali gus mengingatkan kami mengenai bahaya api," katanya.